

Headline	Sedia dana RM100,000		
MediaTitle	Harian Metro (Timur)		
Date	25 Oct 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	7,330
Page No	43	Readership	21,990
Language	Malay	ArticleSize	264 cm <sup>2</sup>
Journalist	Baharom Bakar	AdValue	RM 7,750
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,250



Oleh Baharom Bakar  
am@hmetro.com.my

### Kuala Terengganu

**L**embaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM100,000 untuk membantu mengeluarkan peserta daripada senarai kemiskinan.

Pengarah FAMA negeri, Fauzi Mohamed berkata, bantuan berbentuk peralatan itu diberikan kepada 10 peserta yang masih tersenarai dalam paras kemiskinan melalui program Rezeki Tani.

Beliau berkata, bantuan diberikan kepada peserta dijangka mampu meningkatkan pendapatan melalui projek ekonomi diusahakan termasuk dalam aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pengedaran dan pemasaran berkaitan dengan bidang pertanian, penternakan serta perikanan.

“Selain bantuan peralatan, peserta juga menjalani pelbagai kemahiran dan teknikal di bawah program Rezeki Tani,” katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Sambutan Ulang Tahun Ke-54 Pasar

# Sedia dana RM100,000

*Fama bantu peserta keluar belengu kemiskinan*



FAUZI (kiri) menyampaikan bantuan peralatan kepada peserta Roslie Ali (kanan) sempena Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun ke-54 Fama di Pasar Tani Padang Hiliran, semalam.

Tani di Padang Hiliran, semalam.

Majlis pelancaran dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bandar, Ahmad Shah Muhamed.

Katanya, hanya 10 daripada 130 peserta pasar tani di seluruh negeri dipilih oleh jawatankuasa pemilihan untuk menerima bantuan peralatan Rezeki Tani.

“Empat dari peserta terabit daripada daerah Kuala Terengganu dan masing-masing tiga daripada daerah Hulu Terengganu dan Besut,” katanya.